



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	SINAR HARIAN		
TARIKH	:	4/1/2020	MUKA SURAT	: 19
JABATAN	:	PERHILITAN		
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN		

Babi masuk kedai gunting rambut

BIDOR - Dua pekerja sebuah kedai gunting rambut panik apabila seekor babi hutan tiba-tiba merempuh masuk sebuah kedai gunting rambut di sini malam kelmarin.

Pemilik Boss Barbershop Bidor, Azirul Syafiq Szali, 25, berkata, kejadian tersebut berlaku sekitar jam 8 malam ketika pekerjaanya berehat sambil menunggu pelanggan.

"Saya pelik macam mana boleh ada babi hutan sebab kedai ini terletak di dalam pekan Bidor. Tak ada pun hutan berdekatan. Memang terkejut juga bila tengok rakaman kamera litar tertutup (CCTV) kedai. Mungkin babi itu pun nak gunting rambut.

"Untuk sementara waktu ini, kedai ditutup bagi memberi ruang untuk proses sertu dan baik pulih cermin pintu kedai yang pecah," katanya.

Menerusi satu video yang dikongsi di Facebook Azirul Syafiq, babi hutan itu meluru masuk ke dalam kedai dan berlegar selama kira-kira seminit.



Rakaman CCTV menunjukkan seekor babi hutan tersesat di dalam sebuah kedai gunting rambut di Bidor malam kelmarin.